

28 JAN 1999

Sampah-Peraturan

LANGKAWI RANGKA PERATURAN PEMBUANGAN SAMPAH

LANGKAWI, 28 Jan (Bernama) -- Majlis Daerah Langkawi (MDL) akan merangka peraturan untuk membendung perbuatan membuang sampah di kawasan tumpuan pelancong di pulau peranginan ini.

Yang Dipertuanya Ismail Abdul Hamid hari ini berkata mesyuarat berhubung perkara itu akan diadakan sebaik sahaja pelantikan anggota MDL diadakan tidak lama lagi.

Bercakap kepada pemberita di majlis terbuka Hari Raya Pejabat Daerah dan MDL di sini, beliau berkata peraturan seperti itu telah diadakan di Taman Laut Pulau Payar di sini dan Gunung Tahan di Pahang.

Beliau menyarankan agar pengusaha pelancongan di sini membekalkan beg plastik sampah kepada pelawat yang mengunjungi tempat tarikan di sini bagi memelihara kebersihan.

Katanya pengusaha pelancongan yang menganjur lawatan ke kawasan tarikan di Telaga Tujuh memastikan pelancong membawa sampah turun manakala pengusaha yang mengadakan khidmat mengelilingi pulau menyediakan beg plastik supaya sampah tidak dibuang merata-rata.

Ismail yang juga Pegawai Daerah Langkawi berkata perkara itu perlu diambil perhatian memandangkan ada pelancong yang membuat aduan bergambar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu, yang dikatakan berlaku di air terjun Temurun di Teluk Datai di sini.

Katanya perkara itu disampaikan oleh Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin ke pengetahuan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) sebelum dimaklumkan kepada MDL baru-baru ini.

Ismail berkata sehubungan itu beliau telah mengarahkan MDL menyediakan kawasan pembuangan sampah di kawasan air terjun berkenaan.

-- BERNAMA

NH NMO